

BAYARAN TAMBAHAN DALAM KONTRAK FRANCAIS DOBI LAYAN DIRI DARI PERSPEKTIF HUKUM SYARAK

Additional Payment In Self-Service Laundry Franchise Contracts From The Perspective Of Syariah Law

Mohd Huefiros Efizi bin Husain,ⁱ Noor Naemah binti Abdul Rahman,ⁱⁱ
& Nor Fahimah binti Mohd Razif.ⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author) Calon Doktor Falsafah, Jab. Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Emel: mohdhuefirosfizi@yahoo.com.my,

ⁱⁱ Profesor Madya, Jab. Fiqh & Usul, Universiti Malaya.

Emel: naemah@um.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jab. Fiqh & Usul, Universiti Malaya.

Emel: norfahimah@gmail.edu.my

Abstrak	Abstract
<p>Setiap masyarakat punyai adat dan tradisi. Adat dan tradisi dibentuk oleh golongan cerdik pandai dalam masyarakat. Adat dan tradisi pada dasarnya ialah sesuatu kebiasaan yang dipraktikkan secara meluas dalam masyarakat. Ia menjadi pedoman dan rujukan dalam kehidupan seharian masyarakat lingkungan. Dalam amalan adat dan tradisi, terkandung unsur kearifan tempatan hasil corak pemikiran yang dicerakinkan daripada gabungan pengetahuan dan pengamalan generasi terdahulu. Kearifan tempatan adalah serangkaian maklumat, petunjuk, dan kebijaksanaan yang diwariskan daripada generasi ke generasi sebagai satu strategi kehidupan yang melambangkan kemajuan pemikiran dan pengetahuan dalam masyarakat. Dalam disiplin Usul fiqh, perbincangan berkaitan adat dan tradisi adalah termasuk dalam perbincangan uruf. Uruf adalah sekumpulan adat dan tradisi yang dipraktikkan, diketahui dan diiktiraf oleh syara'. Kearifan tempatan adalah produk keintelektualan hasil daripada gabungan amalan adat, tradisi dan panduan daripada</p>	<p>Additional payment terms in the self - service laundry franchise business are enforced based on the constraint of the franchisor or the franchisee to execute the contract as mutually agreed upon accurately. The contract offered contains additional payment rates and justifications as a precautionary measure from law enforcement convictions and disputes. As a result, franchise operations run more smoothly and awareness of complying with contractual terms increases over time. However, there are still claims for additional payments that are not contained in the contract agreement but are directed to pay on a portion of the item so as to raise doubts as to the extent of the obligation to comply with it. Based on the Islamic view, legal issues related to the execution of the contract include the formation of the contract until the demand for additional payment in ensuring that the goals of the contract are achieved. In fact, such additional payments are made non-uniformly depending on the current wants</p>

wahyu. Gabungan ini menghasilkan kearifan tempatan yang mencorakkan uruf sahih dan uruf fasid. Uruf sahih adalah uruf yang diterima, manakala uruf fasid adalah uruf yang ditolak daripada Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokuskan kedudukan kearifan tempatan daripada perspektif uruf dan syarat-syarat pengambilkiraan kearifan tempatan dalam uruf yang diterima oleh syara'. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini mengaplikasi kajian kepustakaan sepenuhnya dengan merujuk kepada literatur berkaitan kearifan tempatan dan uruf. Data kualitatif yang dikumpulkan telah dianalisis kandungannya secara deduktif bagi merumuskan kedudukan kearifan tempatan daripada perspektif uruf. Hasil dapatan kajian ialah menunjukkan kearifan tempatan yang berasaskan uruf sahih diterima dan sebaliknya, kearifan tempatan yang berasaskan uruf fasid adalah tidak diterima dalam penetapan hukum Islam.

Kata kunci: Kearifan tempatan, pengetahuan tasit, pengetahuan tempatan, adat, hukum Islam, adat kematian.

and needs of the franchise company owner. This causes confusion and the effect of treason if done on certain interests continuously to the detriment of the completeness of the contract. Therefore, this study aims to examine the claims for additional payment in self-service laundry franchise business contracts based on Islamic law. Qualitative methods involving library research and interview sessions with respondents were applied in this study to meet the objectives of the study. The results of the study found that the action of additional payment other than that offered in the self-service laundry franchise contract is contrary to the payment method required by Islamic law. In general, the implementation of surcharges in franchise businesses will be more effective based on the proposed solutions in this study.

Keyword: Additional fees, usury, franchise, al-ijarah and Bank Negara Malaysia.

PENDAHULUAN

Aspek pembayaran dalam kontrak mengikut pandangan hukum syarak dapat ditinjau menerusi beberapa konsep yang diperkenalkan dalam sistem muamalat Islam, sama ada pembayaran dalam kegiatan *al-musharakah*, *al-ijarah*, *al-mudarabah* dan *al-murabahah*. Namun begitu, konsep *al-ijarah* memiliki hubungan rapat untuk disandarkan kepada tindakan pembayaran tambahan dalam perniagaan francais dobi layan diri. Hal ini kerana konsep *al-ijarah* menawarkan pelaksanaan institusi perniagaan tanpa kewujudan perkongsian keuntungan dalam bentuk kewangan kepada pihak yang terlibat dalam sesebuah kontrak. Maka, pengkaji berpendapat bahawa konsep *al-ijarah* adalah konsep paling tepat untuk disandarkan sebagai penilaian terhadap bayaran tambahan dalam perniagaan francais terbabit. Sehubungan itu, kajian ini merujuk kepada syarat pembayaran dalam kontrak *al-ijarah* yang ditentukan oleh Resolusi Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia (BNM) bertunjangkan prinsip muamalat Islam (Bank Negara Malaysia, 2010). Berdasarkan tinjauan pengkaji, terdapat dua situasi bayaran tambahan yang ditemui dalam pelaksanaan kontrak francais dobi layan diri

di Malaysia daripada Syarikat A, Syarikat B dan Syarikat C. Situasi pertama menunjukkan tuntutan bayaran tambahan ke atas pembayaran sewaan barangan dan bayaran ke atas pembelian fasiliti francais yang dilakukan secara ansuran. Kadar pembayaran tersebut dinyatakan dengan jelas dalam kontrak yang ditawarkan oleh pemberi francais dan dipersetujui untuk dituruti oleh penerima francais sebelum kontrak didirikan. Manakala, situasi kedua menemukan tindakan bayaran tambahan tanpa dinyatakan dalam kontrak ke atas bayaran wajib dan ditentukan oleh pemberi francais setelah kontrak didirikan mewakili kepada pembelian dan penyewaan barangan francais. Bahkan, tindakan tersebut tidak mendapat persetujuan terlebih dahulu oleh penerima francais walaupun mereka tidak melakukan kesalahan lain yang boleh menjejaskan hubungan berkontrak. Namun, menjadi keperluan kepada penerima francais untuk menuruti tuntutan tersebut sekiranya masih mahu meneruskan operasi francais dengan bernaung di bawah syarikat yang didaftarkan sebelum ini. Berdasarkan dua situasi pembayaran di atas, kajian ini akan memfokuskan kepada tinjauan hukum syarak yang berlaku dalam situasi kedua yang memberi kesan kepada penerima francais. Maka, timbul persoalan sejauhmana pandangan hukum syarak terhadap tindakan tersebut dalam memastikan kontrak yang dibina bertepatan dengan ciri-ciri kontrak di sisi hukum syarak. Tambahan pula, adakah menjadi tanggungjawab kepada penerima francais yang terlibat untuk menuruti tuntutan tersebut bagi memastikan penyertaan mereka dalam francais masih diberi peluang. Bagi memastikan matlamat dapat dicapai, maka kajian ini akan memfokuskan pandangan hukum syarak melalui prinsip *al-ijarah* terhadap pelaksanaan bayaran tambahan dalam situasi kedua pelaksanaan kontrak francais dobi layan diri yang tidak dinyatakan, bahkan tidak mendapat persetujuan daripada penerima francais ketika kontrak berlangsung meliputi beberapa aspek pada bahagian seterusnya.


KONTRAK FRANCAIS DOBI LAYAN DIRI

Francais dapat dizahirkan sebagai hubungan persepakatan melibatkan pemilik francais dan penerima francais dalam sebuah perniagaan yang dijalankan (Martin, 1995). Pemberi francais berfungsi menawarkan elemen bimbingan terhadap tindakan memasarkan produk yang telah ditetapkan jenis, nilai dan kaedah pemasaran kepada bakal pelabur yang berminat untuk turut serta membangunkannya. Manakala, penerima francais pula perlu menyediakan elemen sumber kewangan untuk dibayar kepada pemberi francais dalam tempoh masa ditetapkan dan sekumpulan tenaga kerja yang baik bagi memastikan francais berjalan dengan lancar. Keperluan kepada elemen yang dinyatakan di atas merupakan komitmen dan syarat terlibat dalam francais meliputi kebenaran mengguna pakai jenama francais,

pemasaran produk dan operasi francais seperti yang dikemukakan dalam kandungan kontrak (Noraini, 2002).

Di Malaysia, perniagaan francais didirikan berpandukan Akta Francais 1998 (Pindaan) 2012 yang menawarkan panduan pelaksanaan francais bermula daripada syarat francais sehingga kepada tindakan perundangan yang wajar dikenakan terhadap kemungkiran dalam mematuhi matlamat francais. Perniagaan francais didirikan berasaskan potensi individu atau pihak tertentu untuk membangunkan francais bersandarkan peluang penglibatan dan usaha menangani risiko yang bakal berlaku. Kemudian, sumber kewangan yang kukuh dan urusan pendaftaran francais dengan jelas bagi memastikan fasiliti dan keperluan dalam *outlet* francais dapat disediakan mengikut identiti francais didirikan (Awalan, 1999). Selain itu, asas francais juga merangkumi kelayakan pihak berkontrak kepada pemberi francais dan penerima francais bagi memastikan matlamat francais dapat ditunaikan sama ada melibatkan tanggungjawab pembayaran, publisiti francais dan pemasaran produk. Bahkan, di pihak pemberi francais pula melibatkan perancangan francais dengan bijak, mengatur sesi bimbingan dan kadar pembayaran yang bersesuaian.

Oleh yang demikian, kontrak perniagaan francais dapat dibangunkan selepas setiap tuntutan dalam perniagaan tersebut berjaya dipenuhi berdasarkan pemahaman syarat francais, pembayaran mengikut kadar modal yang ditetapkan, kelayakan yang bertepatan dengan matlamat francais dan sikap bertanggungjawab yang mendalam untuk membangunkan produk francais. Struktur pelaksanaan kontrak perniagaan francais dapat dilihat seperti dalam Rajah di bawah:



Rajah 1: Struktur Pelaksanaan Kontrak Perniagaan Francais Dobi Layan Diri

Berdasarkan Rajah 1 di atas, perniagaan francais merupakan satu perancangan perniagaan berstruktur daripada langkah awal diperkenalkan kepada para bakal pelabur (penerima francais) yang berminat untuk turut serta membangunkannya. Maka, perbincangan dan sesi bimbingan industri berperanan melatih mereka untuk melaksanakan francais dengan baik mengikut tawaran yang diperkenalkan. Maka, tuntutan pembayaran

ditetapkan sebagai syarat pendaftaran dan kelayakan melangsungkan operasi francais dalam tempoh masa ditetapkan.

HUKUM PEMBAYARAN DALAM KONTRAK ISLAM

Berdasarkan justifikasi pemakaian konsep *al-ijarah* sebagai panduan ke atas tuntutan pembayaran dalam kontrak francais dobi layan diri, maka pemahaman terhadap konsep *al-ijarah* dapat diteliti mengikut huraian ke atas pengenalan dan syarat pembayaran melibatkan peranan pihak berkontrak. Maka, pembayaran dalam kontrak *al-ijarah* dilakukan terhadap barangan atau perkhidmatan yang digunakan atau disewakan untuk mendapatkan kemanfaatan daripada penggunaannya. Pembayaran tersebut juga perlu menepati kandungan kontrak yang ditawarkan dan disepakati bersama di kalangan pemilik kontrak dan penerima kontrak (Al-Kasani, 2004). Ia meliputi kadar dan tempoh masa pembayaran supaya tidak timbul kesan kemudaratan mendirikannya. Penggunaan kalimah *al-ijarah* berasal daripada bahasa arab *al-ajr* (الأجر) yang terbit daripada kata kerja *ajara – ya'jiru* (أجر) (أجر يأجر atau *ajara – ya'juru* (أجر يأجر) dan menggambarkan kepada maksud balasan atau ganjaran ke atas sesuatu perkara (Ibn Manzur, 1983). Selain itu, ia juga membawa maksud sewa, upah atau gaji (Al-Marbawi, 1998). Dari istilah pula, Resolusi Majlis Penasihat Syariah BNM menetapkan *al-ijarah* sebagai transaksi yang dilakukan secara kontrak sewaan atau upahan yang bermatlamatkan kemanfaatan terhadap penggunaan barangan atau perkhidmatan. Transaksi tersebut dilakukan mengikut syarat dan kadar pembayaran yang ditentukan dalam tempoh masa dipersetujui bersama (Bank Negara Malaysia, 2010).

Pelaksanaan kontrak *al-ijarah* berteraskan syarat pembayaran yang diperkenalkan sebagai panduan yang jelas dan boleh diseragamkan dalam banyak urusan berkaitan bagi menghindari kesan kekeliruan dan penyelewengan. Terdapat beberapa kaedah pembayaran yang ditetapkan dalam kontrak *al-ijarah* sama ada secara tunai, bertanggung atau pembayaran berjadual mengikut peraturan kontrak perniagaan yang ditawarkan (Sayyid Sabiq, 1977). Di samping itu, al-Bouti menegaskan supaya pembayaran *al-ijarah* perlu dilakukan ketika kontrak didirikan bagi mengatasi timbul sebarang permasalahan untuk mematuhi syarat pembayaran di sisi Islam kerana dikhuatiri akan tergolong sebagai jualan dan belian berhutang (*bai' al-dayn bi al-dayn*) (Nasar, 2009).

Tambahan pula, menjadi kewajipan dalam kontrak yang didirikan untuk menentukan dan membuat persetujuan ke atas kadar pembayaran minimum dan maksimum sebagai penyelarasan sepanjang tempoh masa kontrak berlangsung (Al-Sarakhsi, 1986). Oleh itu, pemilik kontrak ditegah untuk mengubah kadar pembayaran terutamanya melebihi kadar pembayaran ke atas sesuatu perkara dalam kontrak di luar persetujuan

bersama (Sayyid Sabiq, 1977). Syarat tersebut ditentukan bagi memastikan peranan *al-ijarah* dalam mengekang amalan penindasan dan penipuan daripada satu pihak ke atas pihak yang lain serta difahami dengan menyeluruh sebelum kontrak didirikan. Selain itu, terdapat juga pembayaran yang disarankan dilakukan sebelum tempoh waktu ditetapkan supaya barangan atau perkhidmatan yang mahu digunakan dapat dimanfaatkan lebih awal mengikut kepentingan masing-masing. Namun begitu, disyaratkan agar tidak menunaikan pembayaran menjangkaui tempoh waktu ditetapkan mengikut panduan kontrak *al-ijarah* bagi mengatasi perolehan kemanfaatan daripada penyewaan atau penggunaan perkhidmatan dalam kontrak secara terbatas dan berlaku pertikaian yang boleh menjejaskan kesempurnaan kontrak (Al-Khin, 1992). Selain itu, penetapan kadar pembayaran mengikut *al-ijarah* hendaklah meliputi dan memenuhi keperluan berkontrak ke atas barangan dan perkhidmatan yang terlibat. Hal ini bertujuan memastikan matlamat yang disasarkan dalam kontrak boleh dicapai dengan baik dan menjamin kemanfaatan bersama sehingga berakhir tempoh kontrak (Al-Sharbini, 2006).

Selain itu, kontrak *al-ijarah* akan mengalami kesan pembatalan kontrak yang dilaksanakan sebelum tempoh masa kontrak tamat apabila berhadapan dengan salah satu situasi tertentu. Situasi tersebut dapat dilihat apabila kedua-dua pihak iaitu pemberi sewa dan penyewa bersetuju menamatkan kontrak yang didirikan bersama dengan lebih awal pada waktu ditetapkan (Majlis Shar'ie AAOIFI, t.th). Kedua, keputusan penamatan kontrak dikemukakan oleh salah satu pihak di antara kontrak penyewaan tersebut (Abd. al-Wahab, 1992). Seterusnya, penyewa tidak bercadang melanjutkan tempoh berkontrak selepas membuat pembayaran pendahuluan dalam kontrak dan mereka berhak mendapatkan baki daripada bayaran tersebut sekiranya masih mempunyai baki daripada pelaksanaan sewa dalam kontrak (Al-Ma'ayir al-Shariyyah, t.th). Dan terakhir pula apabila barangan yang disewakan mengalami kerosakan atau kehilangan fungsi untuk digunakan sehingga menghalang untuk matlamat dicapai dengan baik (Ghuddah, 2010).

METODOLOGI KAJIAN

Hasil kajian dikenalpasti berdasarkan kaedah dan reka bentuk kajian, manakala reka bentuk kajian pula ditentukan oleh matlamat kajian dibina. Oleh yang demikian, kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah perpustakaan menerusi tindakan pembacaan tesis, jurnal, buku dan bahan bacaan lain yang bersesuaian. Tambahan pula, tinjauan terhadap isu yang dibangkitkan juga diperolehi menerusi sesi temu bual pengkaji bersama responden yang terlibat dalam mendirikan perniagaan francais dobi layan diri mengikut jadual waktu yang ditetapkan. Kedua-dua kaedah tersebut berperanan untuk menumpukan pemahaman terhadap

fenomena persoalan kajian. Selain itu, kajian ini turut merungkai intipati kajian para sarjana yang menampilkan isu bayaran tambahan yang tidak dinyatakan dalam kontrak dan tanpa melalui persetujuan penerima francais dalam perniagaan francais dobi layan diri daripada prinsip kontrak Islam.

HASIL KAJIAN

Bahagian ini pula mengemukakan dapatan kajian hasil tinjauan pengkaji menerusi pembacaan daripada pelbagai sumber untuk mencapai matlamat kajian. Bayaran tambahan dalam sesebuah transaksi digambarkan sebagai sejumlah bayaran yang menjangkau kadar wajib pembayaran ke atas penawaran dan penerimaan dalam sesebuah kontrak. Fenomena tersebut sering ditemui terhadap pembayaran berhutang, pembayaran secara ansuran dan kelewatan pembayaran yang ditentukan oleh institusi kewangan atau perniagaan. Tujuan dan kadar bayaran tambahan dalam pelaksanaan kontrak francais dobi layan diri ditemui seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Tujuan dan Kadar Bayaran Tambahan dalam Perniagaan Francais Dobi Layan Diri

Bil	Tujuan Bayaran Tambahan	Kadar Bayaran Tambahan
1	Kos logistik penghantaran barangan gantian	Sekurang-kurangnya RM150 atau lebih mengikut kawasan
2	Kos barangan gantian	Mengikut jenis barangan
3	Kos baik pulih kerosakan fasiliti francais (mesin pengeringan)	RM250
4	Kos publisiti produk francais	RM300 / tahun

Sumber : Ilustrasi pengkaji hasil sesi temu bual.

Oleh yang demikian, penilaian hukum terhadap tujuan dan kadar bayaran tambahan seperti yang ditampilkan dalam Jadual 1 di atas dapat diukur sejauhmana kesahihan pelaksanaan bayaran tersebut menurut prinsip kontrak secara sah mengikut panduan prinsip *al-ijarah*. Berdasarkan pemerhatian awal pengkaji, tindakan pembayaran tambahan dalam kontrak yang tidak dinyatakan atau terkandung dalam kontrak ketika ia didirikan adalah bercanggah dengan prinsip pembayaran dan penyewaan kontrak *al-ijarah*. Percanggahan tersebut dilihat kepada aspek yang dikemukakan di bawah:

1) Berlaku Penipuan dalam Kontrak

Kontrak perniagaan francais dobi layan diri yang ditawarkan oleh pemberi francais membuka peluang kepada orang ramai membuat pilihan untuk menyertainya sebagai penerima francais. Kegagalan kontrak berfungsi sebagaimana yang ditawarkan dan tambahan pula tidak dipersetujui dapat

digambarkan kewujudan unsur penipuan untuk menarik minat penyertaan penerima francais di awal kontrak didirikan. Penipuan tersebut adalah bercanggah dengan ciri-ciri kontrak di sisi Islam apabila hak mereka diperdayakan di atas kepentingan sebelah pihak tanpa diketahui keseluruhan perkara ketika melakukan persetujuan dalam kontrak. Kepentingan untuk sebelah pihak sahaja dalam kontrak sedemikian menghalang perjalanan kontrak dengan lancar apabila berlaku pertikaian kepada syarat kontrak yang dibangunkan. Percanggahan hukum ke atas pertikaian dalam situasi ini dapat disaksikan menerusi syarat *ijarah* yang disusun oleh Bank Negara Malaysia seperti dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Syarat Pembayaran dalam Kontrak Syariah (*al-ijarah*)

<i>Part</i>	<i>Shariah Requirements and Optional Practices</i>
14.5	<i>The lessor shall not increase the rental unilaterally</i>

Sumber : Kontrak Ijarah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia

Syarat pada Jadual 2 di atas menunjukkan akan larangan kepada pemilik kontrak menaikkan kadar sewaan tanpa persetujuan atau sebab munasabah sepanjang tempoh kontrak berlangsung. Larangan tersebut akan memberi kesan kepada struktur syarat kontrak yang ditawarkan dan terdedah kepada tindakan penipuan sekiranya bayaran tambahan ke atas sewaan tersebut tanpa persetujuan bersama setiap pihak berkontrak dilakukan secara terbuka tanpa pengawasan yang teliti. Firman Allah SWT:

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu; sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu." (Al-Nisa', 29)

Di samping itu, larangan terhadap bayaran tambahan dalam kontrak francais yang dibangunkan dapat dilihat kepada kaedah fiqh "Tidak diharuskan ke atas seseorang untuk mengambil harta orang lain dengan tanpa sebab syar'i" (Al-Zuhayli, 2006).

Kaedah fiqh di atas menunjukkan dengan jelas akan pengambilan harta selain daripada kepunyaan diri sendiri bagi bertujuan tidak syarak adalah dilarang sama sekali bagi menjamin kesucian harta dan wang. Bahkan, ia menjadi panduan untuk memelihara keharmonian di kalangan manusia berdasarkan kepada batasan hukum yang telah digariskan. Batasan hukum tersebut

meliputi nas syarak yang melarang akan sebarang bentuk penipuan sehingga membawa kepada kemudaratan.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa kewujudan bayaran tambahan selain daripada kadar bayaran yang telah ditetapkan dan dipersetujui dalam kontrak tidak keterlanjuran untuk dikategorikan sebagai bentuk penipuan dalam berkontrak. Dakwaan tersebut berasaskan kepada ketiadaan syarat penambahan bayaran pada kontrak yang ditawarkan tetapi diarahkan untuk ditunaikan ke atas sesuatu penyewaan dan pembelian barangan setelah kontrak berjaya didirikan. Bahkan, berlaku perselindungan maklumat penting dalam syarat berkontrak untuk menjadi pilihan kepada penerima francais terlibat dalam kontrak terbabit.

Dakwaan berlaku penipuan terhadap tuntutan bayaran tambahan selain daripada kadar yang telah dipersetujui dalam sesebuah kontrak ini dapat diukur berdasarkan beberapa perkara. Pertama, pembayaran yang dikuatkuasakan tersebut tidak disertakan akan punca dan kelasan pembayaran sehingga memberi kesan kekeliruan kepada penerima francais yang telah mendirikan kontrak. Kedua, kadar pembayaran dan waktu pembayaran bayaran tambahan tersebut tidak kelihatan pada kontrak dan tidak dimaklumkan secara lisan atau bertulis ketika kontrak mula didirikan. Ketiga, kadar pembayaran tersebut dilakukan secara tidak seragam di kalangan penerima francais yang telah berdaftar dengan syarikat francais sehingga menimbulkan pertikaian terhadap pembayaran tersebut.

2) Terdapat Unsur *Riba* dalam Kontrak

Pertambahan bayaran yang tidak dinyatakan dan dipersetujui dalam sesebuah kontrak tergolong sebagai perbuatan *riba* apabila ia merupakan lebihan kadar bayaran yang sepatutnya dibayar oleh satu pihak kepada pihak berkontrak lain (Abu Zayd, 2004). Bentuk bayaran tersebut menepati konsep *riba* iaitu lebihan kadar bayaran yang dikehendaki untuk ditunaikan ke atas pembayaran yang dijalankan sama ada secara berhutang atau ansuran mengikut tempoh masa ditetapkan. Maka, arahan pembayaran daripada pemberi francais kepada penerima francais melebihi kadar tertentu dalam Syarikat B dan Syarikat C dapat diukur kepada kesan hukum *riba*. Hal ini disebabkan oleh bayaran tambahan tersebut terkeluar daripada syarat utama kontrak dan tidak menerima persetujuan oleh penerima francais ketika kontrak ditawarkan dan tidak menyatakan secara rasional fungsi bayaran tambahan tersebut terhadap pembangunan operasi francais (Rif'at, 1997). Pertentangan hukum terhadap situasi ini apabila disandarkan sebagai *riba* dapat ditinjau menerusi firman Allah SWT:

"Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba."

(Al-Baqarah, 275)

Ayat di atas menjelaskan akan keharusan hukum melaksanakan perniagaan membabitkan penjualan dan pembelian akan sesuatu barangan atau perkara secara sah. Manakala tindakan yang tergolong sebagai *riba* adalah dilarang daripada dilakukannya. Sabda Rasulullah SAW:

“Rasulullah SAW telah bersabda, “bahawa setiap pinjaman (hutang) yang ada manfaat, ianya adalah riba.” (Riwayat Bukhari)

Rasulullah SAW turut menegaskan dalam dalil di atas akan pengharaman hukum *riba* dan ditanggungjawabkan oleh setiap muslim untuk menjauhinya daripada awal kontrak ditawarkan walaupun dengan jumlah yang sedikit (Al-'Asqalani, t.th). Berdasarkan dalil yang dikemukakan, Bank Negara Malaysia memandang serius akan larangan untuk menambahkan kadar pembayaran daripada kadar yang sepatutnya dibayar berdasarkan syarat yang dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3 : Syarat Pembayaran dalam Kontrak Shariah (*al-ijarah*)

Part	Shariah Requirements and Optional Practices
14.3(b)	<i>to be determined via reference to a specified benchmark or formula</i>
14.4	<i>in respect of paragraph 14.3(b), the rental shall be subject to a minimum and maximum limit</i>

Sumber : Kontrak Ijarah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia

Perenggan 14.3(b) dalam Jadual 3 menganjurkan supaya penetapan kadar pembayaran dalam kontrak dibuat berdasarkan jumlah yang dikehendaki bergantung kepada kemampuan pemilik kontrak membangunkannya. Tambahan pula, pemilik kontrak tersebut perlu mengemukakan syarat jumlah bayaran terendah dan tertinggi dalam kontrak supaya dapat dikenalpasti dengan baik dan dipersetujui bagi mengekang berlakunya *riba*. Maka, bakal pelabur atau penerima kontrak berpeluang melakukan pilihan ke atas kontrak yang ditawarkan dan menjadi keperluan kepada pemilik utama kontrak untuk tidak melakukan perubahan pada syarat kontrak demi terhindar daripada *riba*.

3) Kewujudan Paksaan dalam Kontrak

Selain daripada kesan penipuan dan *riba* seperti dibincangkan di atas, tuntutan pembayaran tambahan yang dilakukan tanpa persetujuan penerima francais setelah kontrak didirikan berhadapan dengan kewujudan tindakan

paksaan untuk berkontrak. Penerima francais yang terbabit terpaksa menuruti tuntutan tersebut untuk memastikan keahlian mereka dalam kontrak tersebut berterusan sepanjang kontrak berlangsung. Bentuk paksaan tersebut menyebabkan penerima francais tiada pilihan untuk pengecualian melakukan pembayaran tambahan tersebut. Peraturan tersebut menjadi keperluan untuk dilaksanakan sekiranya tidak mahu kontrak mereka dibatalkan sebelum tempoh waktu kontrak berakhir walaupun tidak melakukan kesalahan lain yang boleh memberi kesan kepada penyertaan dalam kontrak. Maka, perbincangan terhadap situasi ini dapat disaksikan kepada sabda Rasulullah SAW seperti yang berikut:

“Dari Abu Sa’id Al-Khudri bahwa Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya jual beli itu harus dilakukan suka sama suka.” (Riwayat al-Tirmidzi)

Berdasarkan hadis di atas, keredaan melaksanakan urusan perniagaan menjadi tunjang kepada kesempurnaan perniagaan yang dilakukan di antara penjual dan pembeli. Keredaan tersebut dapat dilihat kepada pelaksanaan kontrak perniagaan francais dobi layan diri apabila syarat yang ditentukan menjadi keperluan terlebih dahulu untuk dipersetujui sebelum kontrak didirikan. Al-Sarkhasi memberi pandangan bahawa pelaksanaan perniagaan tanpa mendapat keredaan tersebut boleh mengakibatkan kontrak yang berlangsung akan ditamatkan sebelum tempoh kontrak berakhir. Hal ini adalah kerana pelaksanaan kontrak terbabit tidak menepati syarat kontrak yang telah ditawarkan sebelum kontrak didirikan (Al-Sarkhasi, 1986). Perkara ini juga turut ditekankan oleh Usamah Zaid dalam kajian beliau dengan menyatakan bahawa paksaan dalam berkontrak adalah tindakan yang berlawanan dengan tujuan utama kontrak ditawarkan mengikut prinsip muamalat Islam (Usamah Zaid, t.th).

Sehubungan itu, penilaian terhadap paksaan bayaran tambahan dalam kontrak francais dobi layan diri dapat disandarkan kepada syarat kontrak *ijarah* yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia seperti dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Syarat Pembayaran dalam Kontrak Syariah (*al-ijarah*)

Part	Shariah Requirements and Optional Practices
14.1	<i>Rental shall be determined and agreed by the contracting parties at the inception of the ijarah contract.</i>

Sumber : Kontrak Ijarah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia

Jadual 4 di atas dengan jelas menggambarkan bahawa pelaksanaan pembayaran dalam kontrak mengikut prinsip *al-ijarah* perlu dilakukan

dengan persetujuan setiap pihak berkontrak sama ada mewakili pihak pemilik kontrak dan penerima kontrak. Persetujuan tersebut menjamin pelaksanaan kontrak secara harmoni untuk memenuhi setiap syarat berkontrak dan terpisah jauh daripada tindakan paksaan yang boleh menjejaskan matlamat kontrak didirikan.

Justeru, justifikasi larangan terhadap paksaan mendirikan kontrak di sisi Islam adalah untuk memastikan kontrak dapat didirikan secara sukarela dan persetujuan tanpa paksaan. Tindakan paksaan tersebut boleh mengakibatkan terbatalnya kontrak apabila ia mengandungi elemen yang bertentangan dengan tujuan kontrak didirikan. Bahkan, ia bertujuan menghindarkan berlakunya konflik di kalangan pemilik kontrak dan penerima kontrak sepanjang kontrak berlangsung (Suwandi, et al., 2016).

Berdasarkan ketiga-tiga aspek yang dikemukakan di atas, ia menunjukkan bahawa bayaran tambahan yang dilakukan tanpa persetujuan penerima francais dan tidak dinyatakan dalam kontrak francais dobi layan diri adalah tidak menepati tuntutan sebenar kontrak di sisi Islam. Malah, ia berhadapan dengan pelaksanaan kontrak secara tidak sah apabila mengandungi perkara yang ditegah dalam panduan pembayaran berdasarkan prinsip *al-ijarah* iaitu penipuan, *riba* dan paksaan. Larangan terhadap setiap aspek tersebut disandarkan kepada dalil hukum yang mencegah daripada pelaksanaannya apabila ia boleh mendatangkan kesan kemudaratan dalam berkontrak seperti kerugian, penindasan dan kemunduran untuk menjamin kemajuan dalam perniagaan yang didirikan.

KESIMPULAN

Kajian ini memfokuskan kepada tinjauan hukum Islam berdasarkan prinsip *al-ijarah* terhadap pertikaian oleh penerima francais berhubung dengan tindakan bayaran tambahan dalam kontrak perniagaan francais dobi layan diri. Tindakan tersebut menyebabkan berlaku pertikaian di kalangan penerima francais apabila bayaran tambahan itu tidak terkandung sebagai syarat kontrak yang dipersetujui bersama di awal kontrak didirikan. Maka, penilaian hukum dalam kajian ini dikesan melalui tiga aspek yang menggambarkan kepada pelaksanaan bayaran tambahan tersebut. Hasil kajian mendapati tindakan bayaran tambahan dalam kontrak perniagaan francais dobi layan diri berlawanan dengan kontrak yang dianjurkan dalam Islam dan dilarang untuk didirikan kerana ia mengundang kesan kemudaratan kepada sebelah pihak sahaja iaitu penerima francais. Larangan terbabit sebagai langkah menamatkan penularan kesan sampingan pada pelaksanaan kontrak lain sekiranya ia diharuskan untuk dilakukan. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan supaya penerima francais dapat mengenalpasti terlebih dahulu kandungan kontrak yang ditawarkan dengan terperinci sama ada mengandungi kos tersembunyi atau tidak sebelum kontrak didirikan. Selain itu, penerima francais juga boleh melakukan

tinjauan terhadap pelaksanaan kontrak francais daripada penerima francais yang sedia ada dan telah berdaftar dengan sesebuah syarikat sebagai persediaan awal untuk membuat pilihan menyertai kontrak terbabit. Kemudian, penerima francais juga berpeluang melakukan perbincangan bersama pemberi francais terhadap keputusan bayaran tambahan yang dikenakan tanpa mendapat persetujuan terlebih dahulu, Bahkan, menjadi keperluan kepada pemberi francais menyatakan sebab rasional akan tindakan pembayaran tersebut. Sekiranya cadangan di atas masih gagal dilaksanakan, maka tindakan tersebut boleh dibawa kepada muka pengadilan dengan sewajarnya supaya penerima francais terhindar daripada kesan penindasan. Berdasarkan hasil kajian yang telah dikemukakan, kajian ini boleh dilanjutkan kepada penilaian hukum terhadap bayaran tambahan dalam kontrak jual dan beli produk atas talian yang sering mendapat perhatian masa kini untuk mendapatkan sesuatu barangan atau perkhidmatan.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

- 'Abd. al-Wahab Abu Sulayman. (1922). *'Aqd al-Ijarah: Masdar min Masadir al-Tamwil al-Islamiyyah*. Jeddah: IDB, 1992, 22.
- Abu Zayd, 'Abd, 'Azim Jalal. (2004). *Fiqh al-Riba Dirasah Muqaranah wa Syamilah li al-Tatbiqah al-Mu'asirah*. Beirut: Mu'asasah al-Risalah. 74.
- Al-'Asqalani, Abi al-Fadl Shihab al-Din Ahmad bin Ali Ibn Muhammad bin Hajr. *Bulugh al-Maram*. No. hadith 761, 1: 227. Al-Kasani, 'Ala'uddin Abi Bakr bin Mas'ud. (2004). *Badai' al-Sanai' fi Tartib al-Sharai'*. Tahqiq Muhammad Muhammad Tamir. Kaherah: Dar al-Hadith. 5:193.
- Al-Ma'ayir al-Shariyyah. (t.th). *Accounting and auditing organisastion for Islamic Financial Institutions*. (4/1/4), 136.
- Al-Marbawi, Mohamad Idris bin Abdul Rauf, (1998). *Qamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Dar Un-Nu'man. (1)10.
- Al-Sarakhsi, Muhammad bin Abi Sahl. (1986). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. (15)139.
- Al-Sharbini, Shamsuddin Al-Zuhayli, Muhammad Mustafa. (2006). *Al-Qawa'id al-Fiqhiyah wa Tatbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba'ah*. Damshiq: Dar al-Fikr. (1)559.
- Muhammad bin Ahmad (2006). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani al-Faz al-Minhaj*. Kaherah: Dar al-Hadith. (2)430.
- Awalan Abdul Aziz. (1999). *Perniagaan francais di Malaysia: Perspektif dan panduan*. Creative Energy Enterprise.
- Bank Negara Malaysia. (2010). *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, (2)2.
- Bank Negara Malaysia. (1999). *The Central Bank and The Financial System in Malaysia: A Decade of Change*. Kuala Lumpur: BNM.

- Ghuddah, D.A. (2010). *Qararat wa Tawsiyyat Nadawat al-Barakah li al-Iqtisad al-Islamiyyah min an-Nadwah al-Ula wa hatta an-Nadwah al-Thalathin*. Saudi: Al-Barakah Banking Group. 101.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. (2005). *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir. (1)31.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 561.
- Majd al-Din Muhammad b. Ya'qub al-Fayruz Abadi. (1938). *Al-Qamus al-Muhit*. Mesir: Matba'ah Dar al-Ma'mun. (1)362.
- Majlis Shar'i AAOIFI (2008). *Al-Ma'ayir al-Shar'iyah*. Bahrain: Hay'ah Al-Muhasabah wa al-Muraja'ah li al-Muassasat al-Maliyah al-Islamiyyah, 2008. (4/1/1), 136.
- Martin Mendelsohn. (1995). *The Guide to Franchising*. London: Cassell Publisher Limited.
- Mustafa al-Khin et al. (1992). *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Damsyik: Dar al-Qalam, 1992), 3:130.
- Nasar, A.M. (2009). *Fiqh al-Ijarah al-Mawsufah fi al-Dhimmah wa Tatbiqatuha fi al-Muntajat al-Maliyah al-Islamiyyah li Tamwil al-Khadamat*. Dubai: Dairah as-Syu'un al-Islamiyyah wa al-'Amal al-Khayri. 12-13.
- Noraini. (2002). *Industri francais dan pembangunan: Malaysia, Singapura & Indonesia, analisis strategik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rif'at al-Sayyid al-'Awdi (1997). *Al-Manzumah al-Ma'rafiyyah li Ayat al-Riba fi al-Qur'an al-Karim Namudzaj li I'jaz al-Qur'an fi al-Majal al-Iqtisadî*. Kaherah: Al-Ma'had al-'Alili al-Fikr al-Islami. 21.
- Sayyid Sabiq. (1977). *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi. (3)181.
- Suwandi, Muhammad Hakimi & Wan Nasyrudin. (2016). Konsep perniagaan Islam kajian Al-Quran dan Al-Sunnah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 3(2), 72.
- Usamah Zaib Said Mas'ud. *Athar al-Ikrah fi Aqdin al-Nikah: Dirasah Muqoronah baina al-Mazhabain al-Fiqhiyyah al-'Arba'ah wa Qanun al-Ahwal al-Shakhsiyyah al-Urduny*. Disertasi Sarjana Universiti an-Najah, Palestin. 90.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.